



IRSYAD FATWA

SIRI 1



BUKU INI MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN
PELIHARALAH KESUCIANNYA

**EDARAN
PERCUMA**



IRSYAD FATWA SIRI 1

**JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
2021**





JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Cetakan Pertama 2021

©Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamad Zaki Hj Abdul Halim, Dr., 1972-
IRSYAD FATWA. SIRI 1 / DR. HJ. MOHAMAD ZAKI BIN HJ ABDUL HALIM ; EDITOR
FAKHRURRAZI BIN MD MAHDZIR ; COMPILER FAIRUS AIN BINTI ABDUL AZIZ.

ISBN 978-967-18457-5-2

1. Fatwas--Malaysia--Pulau Pinang.
 2. Advisory opinions (Islamic law)--Malaysia--Pulau Pinang.
 3. Islamic law--Sources.--Malaysia--Pulau Pinang.
 4. Government publications--Malaysia.
 - I. Fakhurrrazi Md. Mahdzir, 1976-.
 - II. Fairus Ain Abdul Aziz, 1983-
 - III. Pulau Pinang. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
 - IV. Judul.
- 340.592209595113

Konsep, Reka bentuk dan Cetakan

Percetakan Hijrah
No.19, (GF), Jalan Arowana 4,
Kawasan Perniagaan Arowana,
13500 Permatang Pauh,
Pulau Pinang.

Isi Kandungan	Muka Surat
Kata Alu-Aluan	iv
Pendahuluan	vi
Visi Program Irsyad Fatwa	1
Penggunaan Pembesar Suara Di Masjid Dan Surau Di Pulau Pinang	3
Hukum Orang Islam Turut Merayakan Perayaan Orang Bukan Islam (Tanglung, Tahun Baru Cina, Deepavali, Ponggal, Wesak Dan Krismas)	12
Hukum Menggerakkan Tabung Derma / Sumbangan Ketika Khutbah Jumaat	21
Garis Panduan Pelupusan Harta Wakaf Yang Tidak Boleh Dilupuskan	33
Hukum Tentang Perubahan <i>Syurutul Waqif</i> (Syarat-Syarat Wakaf) Melalui Prinsip “Tasarruful Imami Manuthun Bi Al-Maslahah”	49
Rujukan	57

KATA ALU-ALUAN

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi atas limpahan ilmu yang dikurniakan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dapat meneruskan lagi usaha penyampaian maklumat dan penjelasan hukum kepada masyarakat melalui medium penulisan dengan terhasilnya buku **Irsyad Fatwa** ini.

Seiring dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Mufti, sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam memberikan pandangan hukum atau fatwa, sudah tentu fatwa atau pandangan hukum yang dikeluarkan perlu diberikan penjelasan kepada umum agar ia dapat diterima dan difahami dengan baik. Dalam dunia digital hari ini, penyebaran sesuatu perkara itu lebih mudah berlaku dan apa yang dibimbangkan ialah berlakunya penyelewengan dalam penyampaian sesuatu perkara itu.

Justeru, buku **Irsyad Fatwa** ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha untuk memberikan penjelasan kepada umum berkaitan fatwa-fatwa atau pandangan hukum yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang. Ini dapat mengelakkan salah tafsir masyarakat terhadap fatwa yang dikeluarkan sekiranya ia disampaikan dengan cara yang tidak tepat. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang juga sentiasa menjalankan kajian dan semakan semula ke atas pandangan hukum atau fatwa yang dikeluarkan bagi memastikan ia selaras dengan kaedah *fiqh* dan bertepatan dengan syariat.

Semoga dengan penerbitan buku yang ringkas ini dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai isu-isu hukum semasa yang berlaku. Setinggi penghargaan terima kasih dirakamkan kepada pihak penyelaras dan urus setia penerbitan atas usaha yang dilakukan sehingga terhasilnya buku ini.

Sekian, terima kasih

**DATO' SERI DR. HAJI WAN SALIM BIN WAN
MOHD NOOR**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang



PENDAHULUAN

الحمد لله رب العالمين، الذي أحصى كل شيء عدداً، وجعل لكل شيء أمداً، ولا يشرك في حكمه أحداً، دائماً وابدأ. والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن اهتدى بهداه. أما بعد:

Segala puji-pujian bagi Allah ﷻ, selawat dan salam ke atas junjungan yang mulia nabi kita Muhammad ﷺ, ahli keluarga, sahabat Baginda ﷺ serta orang yang mengikuti jejak langkah Baginda ﷺ.

Alhamdulillah, buku Irsyad Fatwa siri 1 ini merupakan sebuah risalah kecil yang menghimpunkan beberapa keputusan fatwa terpilih berkaitan isu-isu semasa yang telah dibentangkan dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang. Kelahiran buku ini adalah untuk memperjelaskan hukum-hakam berserta hujah dan dalil-dalil yang terperinci bagi memberi pemahaman yang jelas kepada sidang pembaca terhadap pelbagai isu yang sering dibincangkan oleh masyarakat awam.

Buku untuk siri ini mengandungi lima (5) isu iaitu:

- i. Penggunaan Pembesar Suara di Masjid dan Surau di Negeri Pulau Pinang. Perbincangan ini adalah berdasarkan sejauh mana tuntutan penggunaan pembesar suara di masjid dan surau itu diharuskan bagi tujuan pengimarahannya serta memperlihatkan syiar Islam kepada sesebuah kariah. Perbincangan hukum ini juga mengambil kira implikasi kepada masyarakat sekeliling terhadap dakwaan wujudnya unsur-unsur gangguan daripada penggunaan pembesar suara, khususnya bagi menjaga keharmonian hidup bermasyarakat dan berjiran di samping mengekalkan tujuan asal kemudahan pembesar suara itu dipraktikkan.

- ii. Hukum Orang Islam Turut Merayakan Perayaan Orang Bukan Islam. Perbincangan ini berasaskan kepada konteks negara kita Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk, kepelbagaian agama dan adat

budaya. Kepelbagaian agama pastinya mempunyai pelbagai perayaan dan hari kebesaran yang akan disambut saban tahun berdasarkan kepercayaan masing-masing. Perbincangan dalam isu ini menjurus kepada sejauh mana keharusan umat Islam di negara ini untuk turut serta bersama-sama meraikan perayaan pelbagai agama dan kepercayaan atas nama hubungan sosial sesama rakyat di negara ini khususnya di Pulau Pinang.

- iii. Hukum Menggerakkan Tabung Derma Ketika Khutbah Jumaat. Isu ini dibincangkan bagi mengenal pasti, adakah amalan menggerakkan tabung derma ketika khutbah sedang berlangsung dianggap perkara yang “lagha” atau sia-sia serta turut memberi impak kepada kesempurnaan solat Jumaat seseorang?

iv. Garis Panduan Pelupusan Harta Wakaf Yang Tidak Boleh Dilupuskan. Kebiasaannya sesebuah masjid, surau atau institusi tertentu dibina atas usaha sumbangan umat Islam mahupun inisiatif pihak tertentu melalui cara mewakafkan tanah, bangunan atau peralatan untuk tujuan yang berkaitan. Namun, terdapat beberapa faktor yang memerlukan sesebuah masjid, surau atau institusi tertentu itu dirobohkan. Manakala harta-harta yang berhubung kait dengannya perlu dilupuskan. Justeru, garis panduan ini disediakan agar segala urusan yang berkaitan dengan hal ehwal pelupusan khasnya berkaitan harta wakaf sama ada harta atau perkakasan alih atau tidak alih dapat dilaksanakan dengan betul. Keutamaan perlaksanaan ini adalah untuk kepentingan wakaf itu sendiri agar manfaatnya dapat dipelihara dan pahala wakaf akan berkekalan kepada para pewakaf dengan sempurna.

- v. Hukum Tentang Perubahan *Syurutul Waqif*. Secara dasarnya pengurusan harta wakaf adalah tertakluk kepada niat dan syarat yang ditetapkan oleh *waqif* iaitu pewakaf. Melihat kepada kes-kes di mana didapati berlaku perubahan kepada syarat-syarat pewakaf maka atas keprihatinan ini dibukukan juga perbincangan berkaitan hukum tentang perubahan *Syurutul Waqif*.

Semoga buku ini dapat memberi pencerahan yang sebaiknya serta menjadi panduan khususnya kepada umat Islam di negeri Pulau Pinang. Mudah-mudahan kita sentiasa mendapat taufik, hidayah serta kefahaman dan hikmah dalam melayari bahtera kehidupan yang sementara ini.

Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
April 2021 / Ramadhan 1442

VISI PROGRAM IRSYAD FATWA

Memberi penerangan serta penjelasan mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kepada masyarakat setempat.

Mewujudkan dan memantapkan jalinan kerjasama antara pihak kariah dan agensi kerajaan dalam pelbagai aspek terutamanya yang berkaitan dengan hukum syarak.

Meningkatkan pengetahuan dan kepekaan dalam memahami isu-isu baharu yang berkaitan dengan hal ehwal kefatwaan.

Mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Mufti.

Siri Penerangan Fatwa 1

**PENGGUNAAN
PEMBESAR
SUARA DI MASJID
DAN SURAU
DI PULAU PINANG**



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2011 pada 7 April 2011, Bil. 3/2015 pada 1-2 Julai 2015 dan Bil. 5/2015 pada 30-31 Oktober 2015 telah memutuskan mengenai penggunaan pembesar suara di masjid dan surau di Pulau Pinang seperti berikut:

- a. Penggunaan pembesar suara di luar masjid dan surau hanya dibenarkan bagi kegunaan azan dan iqamat sahaja. Larangan ini dikecualikan bagi sesetengah situasi dan ketika diperlukan selagi tidak mengganggu orang lain.
- b. Bacaan al-Quran dengan menggunakan pembesar suara dari masjid dan surau dilarang menurut hukum syarak kerana perbuatan tersebut boleh mengganggu orang lain sama ada yang berada di dalam atau di luar masjid. Perbuatan tersebut mestilah dihentikan kerana terdapat nas yang melarang.

- c. Larangan membaca al-Quran sebelum waktu Subuh dengan menggunakan pembesar suara di luar masjid dan surau termasuk semua program di masjid dan surau seperti qiamullail, tahajud, kuliah, mesyuarat dan seumpamanya. Penggunaan pembesar suara dalaman sahaja dibenarkan bagi program dan aktiviti masjid dan surau.

Beberapa pendalilan dan hujah yang berkaitan dengan perkara tersebut telah dibincangkan. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Alasan Isu Larangan Membaca Al-Quran Dengan Menggunakan Pembesar Suara

- i. Dalil berkaitan perkara ini adalah seperti berikut:

عن أبي سعيد رضي الله عنه، قال: اعتكف رسول الله صلى الله عليه وسلم في المسجد فسمعهم يجهرون بالقراءة، فكشف السِّتْرَ وقال: ”أَلَا إِنَّ كُلَّكُمْ مُنَاجٍ رَبَّهُ

فَلَا يُؤْذَيْنَنَّ بَعْضُكُمْ بَعْضًا وَلَا يَرْفَعُ بَعْضُكُمْ
عَلَى بَعْضٍ فِي الْقِرَاءَةِ“ أَوْ قَالَ ”فِي الصَّلَاةِ“

Maksudnya: *Daripada Abi Sa'id al-Khudri ؓ berkata: Ketika Nabi ﷺ beriktikaf (beribadah di dalam masjid), baginda mendengar mereka mengangkat suara bacaan (al-Quran) sedangkan ketika itu Nabi ﷺ berada di tempat ibadah baginda. Lalu baginda mengangkat langsir dan bersabda: Ketahuilah setiap kamu bermunajat kepada Tuhannya, janganlah sebahagian kamu menyakiti sebahagian yang lain dan jangan kamu mengangkat suara bacaan melebihi yang lain atau bacaan dalam solat.¹*

- ii. Walaupun bacaan al-Quran dan zikir amatlah baik, namun kita tidak boleh memaksa orang lain mendengar bacaan kita. Mungkin orang lain ingin membacanya sendiri atau ingin membacanya pada waktu

¹ *Sunan Abi Daud*, No. Hadis: 1332, Juz. 2, Cet. Dar al-Hadis.

lain atau mereka sedang sakit atau ada anak kecil yang sedang tidur atau mereka tidak difardukan solat seperti wanita yang haid atau bukan Islam dan lain-lain.

- iii. Rasulullah ﷺ melarang mengangkat suara bacaan di masjid sehingga mengganggu mereka yang sedang beribadah atau menyakitkan orang lain. Jika mereka yang sedang berada di dalam masjid yang memang bersedia untuk beribadah pun tidak dibenarkan untuk diangkat suara bacaan sehingga mengganggu konsentrasi atau tumpuan terhadap solat mereka, maka adalah tidak sepatutnya untuk menguatkan suara bacaan melalui pembesar sehingga mengganggu mereka yang sedang berada di luar masjid.
- iv. Larangan ini merupakan keputusan yang berlaku pada zaman yang belum ada pembesar suara yang gangguannya hanyalah bagi mereka yang berada di dalam masjid sahaja. Bagaimana jika Rasulullah ﷺ dan para sahabat serta para

ulama dahulu melihat keadaan pembesar suara pada zaman kita ini, dengan itu memang wajar arahan meminta dielakkan bacaan-bacaan yang dibuat melalui pembesar suara yang boleh mengganggu orang luar dan dalam masjid. Mematuhi hal ini bukan hanya kerana isu politik, tetapi ia adalah arahan Nabi Muhammad ﷺ dan juga menjaga Islam dari terfitnah dengan perbuatan yang bukan daripada ajaran Islam.

- v. Berdasarkan sunnah Nabi ﷺ disarankan agar masjid dan surau melaksanakan azan Subuh sebanyak dua (2) kali, iaitu azan pertama dilakukan lebih kurang satu (1) jam sebelum masuk waktu Subuh dan azan yang kedua dilaungkan apabila masuk waktu Subuh.

2. Keharusan Azan Dua Kali Bagi Waktu Subuh Di Masjid Dan Surau Sekitar Pulau Pinang

Keputusan ini berdasarkan dalil-dalil seperti berikut :

- i. Daripada Ibnu 'Umar رضي الله عنهما katanya, Rasulullah صلى الله عليه وسلم mempunyai dua orang juru azan, iaitu Bilal dan Ibnu Ummu Maktum, baginda bersabda: Sesungguhnya Bilal bertugas untuk mengazankan sembahyang pada waktu malam sebelum terbit fajar, oleh itu makan dan minumlah kamu semua (bersahur) sehinggalah Ibnu Ummu Maktum azan yang menandakan masuknya waktu Subuh. Ibnu 'Umar رضي الله عنهما berkata: Tidak ada jarak di antara kedua-dua juru azan itu, melainkan jika Bilal telah selesai azan lalu disambung oleh Ibnu Ummu Maktum pula, dalam jarak yang tidak terlalu lama.

- ii. Dari Ibnu 'Umar رضي الله عنه, katanya: Rasulullah ﷺ mempunyai dua orang muazin (tukang azan). Iaitu Bilal dan Ibnu Ummi Maktum yang buta. Maka bersabda Rasulullah ﷺ, “Bilal azan tengah malam kerana itu makanlah dan minumlah sampai Ibnu Ummi Maktum azan.”
- iii. Disunatkan dua orang yang di dalam masjid dan tiap-tiap tempat azan berjemaah, seorang bang (azan) ia dahulu daripada fajar pada pertengahan malam dan yang terafdal keadaannya daripada waktu sahur dan seorang bang (azan) ia kemudian daripada fajar kerana tersebut dalam hadis yang sahih:²

أن رسول الله ﷺ قال إن بلالا يؤذن بليل
فكلوا واشربوا حتى يؤذن ابن أم مكتوم

² *Sabil al-Muhtadin*, Juz. 1, Hlm. 171.

- iv. Disunatkan azan dua kali pada waktu Subuh.³
- v. Dan dikecualikan daripada demikian itu azan Subuh yang pertama, maka sesungguhnya ia adalah harus daripada pertengahan malam, Rasulullah ﷺ bersabda:

إن بلالا يؤذن بليل فكلوا واشربوا حتى يؤذن
ابن أم مكتوم

dan azan ini adalah sunat kerana solat Subuh masuk waktunya manusia sedang tidur, dan mereka berjunub dan berhadas, maka berhajat kepada mendahulukan azan bagi mempersiapkan manusia untuk solat, berbeza dengan solat-solat yang lain, sesungguhnya masuk waktunya manusia telah bersedia.⁴

³ *I'alah al-Tholibin*, Juz. 1, Hlm. 232.

⁴ *Al-Muktamad fi al-Fiq al-Syafie*. Juz. 1. Hlm. 185.

Siri Penerangan Fatwa 2

**HUKUM ORANG ISLAM
TURUT MERAYAKAN
PERAYAAN ORANG
BUKAN ISLAM
(Tanglung, Tahun Baru
Cina, Deepavali, Ponggal,
Wesak dan Krismas)**



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2019 yang bersidang pada 20 & 21 Ogos 2019 telah membuat keputusan berdasarkan pembentangan hasil kajian yang dijalankan dan memutuskan Hukum Orang Islam Turut Merayakan Perayaan Orang Bukan Islam (Tanglung, Tahun Baru Cina, Deepavali, Ponggal, Wesak Dan Krismas) seperti berikut;

a. Hukum Memberi Ucapan

Hukum memberi ucapan kepada sambutan perayaan orang bukan Islam adalah **harus**. Ia dilihat lebih sesuai dengan konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum khususnya di Pulau Pinang. Dalam hal ini, umat Islam dituntut agar menampilkan agama Islam yang mesra kepada semua orang dengan tujuan untuk menarik hati orang bukan Islam kepada Islam. Namun begitu keharusan ini adalah tertakluk kepada ucapan yang diberikan itu tidak mengandungi syiar atau ungkapan keagamaan yang bertentangan dengan prinsip ajaran Islam.

b. Hukum Menziarahi Rumah Terbuka Orang Bukan Islam

Hukum menziarahi rumah terbuka orang bukan Islam sempena perayaan agama mereka **adalah harus** dengan mengambil kira kriteria berikut:

- i. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam seperti menyertakan simbol-simbol agama, berhala dan sebagainya.
- ii. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak seperti memakai pakaian berwarna tertentu dengan kepercayaan tertentu yang melambangkan kepercayaan terhadap agama tertentu selain Islam.
- iii. Majlis tersebut tidak disertakan dengan “perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam” di negara ini seperti percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan.

- iv. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh “menyentuh sensitiviti masyarakat Islam” seperti ucapan-ucapan atau nyanyian berbentuk dakyah keagamaan bukan Islam dan ucapan-ucapan yang menghina umat Islam.

c. Hukum Menyertai Persiapan Perayaan Orang Bukan Islam

Hukum menyertai persiapan perayaan orang bukan Islam yang berkaitan dengan agama mereka adalah **diharamkan** di sisi syarak dan pandangan para ulama mazhab. Namun membantu mereka dalam perayaan kebudayaan memerlukan pemerhatian yang lebih terperinci. Ini kerana seseorang Muslim perlu mengenal pasti sejauh mana perayaan kebudayaan itu mempunyai unsur-unsur kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Jika unsur-unsur kepercayaan tersebut mendominasi maka seharusnya orang Islam menjauhi tindakan membantu dan menjayakan persiapan perayaan tersebut. Namun jika

perayaan tersebut adalah semata-mata berbentuk kebudayaan maka penyertaan orang bukan Islam tersebut adalah **harus**.

d. Hukum Menjual Barangan Yang Khas Digunakan Orang Bukan Islam Dalam Perayaan Agama Mereka

Hukum menjual barangan yang khas digunakan orang bukan Islam dalam perayaan agama mereka adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut;

- i. Orang Islam boleh menjual barang-barang yang harus dijual kepada orang bukan Islam seperti pakaian dan makanan selagi mana tidak jelas perkara itu memberi kemaslahatan dalam upacara atau sambutan perayaan mereka.
- ii. Jika sudah jelas barang-barang tersebut digunakan untuk perayaan orang bukan Islam maka orang Islam perlu mengelakkan diri daripada terlibat. Namun jika ini menjejaskan perniagaan mereka secara

signifikan maka jual beli tersebut boleh dijalankan atas dasar darurat namun hukumnya masih makruh yang berat.

- iii. Diharamkan untuk orang Islam menjual barang-barang yang khusus digunakan dalam upacara atau sambutan perayaan orang bukan Islam seperti pakaian yang khusus atau alat-alat keagamaan mereka.

e. Hukum Orang Islam Mengenakan Pakaian

Hukum orang Islam mengenakan pakaian untuk sambutan sesuatu perayaan bukan Islam adalah seperti berikut:

- i. Tidak boleh malah hukumnya **haram** memakai pakaian yang khusus bagi sesuatu kaum tertentu jika mempunyai kaitan yang rapat dengan kepercayaan keagamaan mereka dan juga mendedahkan aurat. Ini seperti pakaian keagamaan seperti kostum atau topi *Santa Claus*, pakaian paderi, pakaian sami, lambang salib dan sebagainya.

- ii. Pada pakaian yang menjadi adat kaum lain yang tiada kaitan dengan ajaran agama mereka secara khusus seperti sari, kurta, samfu, ceongsam dan sebagainya secara asasnya adalah harus selagi mana tidak terdapat unsur membesarkan agama orang bukan Islam dan memelihara aurat. Namun sebaiknya orang Islam mengelakkan diri daripada memakai pakaian tersebut pada hari perayaan orang bukan Islam atas dasar *sadd al-zari'ah* iaitu menutup sebarang peluang berlakunya *tasyabbuh* yang dilarang.

- iii. Pada pakaian yang sudah menjadi kebiasaan umum seperti tali leher dan kot, maka tidak menjadi isu bagi Muslim untuk memakainya pada perayaan orang bukan Islam selagi mana tidak menzahirkan pembesaran kepada agama mereka.

f. Hukum Menjemput Orang Bukan Islam Ke Dalam Masjid

Hukum menjemput atau membawa orang bukan Islam ke dalam kawasan masjid untuk diraikan, menjamu mereka makanan atau memberikan taklimat mengenai Islam adalah harus menurut pendapat mazhab al-Shāfi'ī. Bahkan inisiatif ini adalah baik bagi tujuan dakwah. Namun demikian, aktiviti-aktiviti berkenaan tidak boleh dilaksanakan bersempena dengan hari perayaan mereka. Ini kerana perbuatan tersebut melambangkan seakan masjid turut sama membesarkan perayaan mereka yang merupakan manifestasi kesyirikan dan kekufuran.

Bagi menjaga kesucian masjid dan keutamaannya, pihak pengurusan masjid yang hendak melaksanakan aktiviti melibatkan orang bukan Islam di dalam kawasan masjid hendaklah menitikberatkan beberapa perkara berikut:

- i. Aktiviti yang melibatkan orang bukan Islam di kawasan masjid tidak dilaksanakan pada hari perayaan mereka atau bersempena dengan perayaan tersebut.
- ii. Orang bukan Islam tersebut sebaiknya tidak memakai pakaian atau membawa sebarang alatan atau simbol yang khusus bagi agama mereka.
- iii. Orang bukan Islam hendaklah menjaga adab-adab di dalam masjid seperti memakai pakaian yang sopan dan menghormati masjid sebagai tempat ibadah orang Islam.

Siri Penerangan Fatwa 3

**HUKUM
MENGGERAKKAN
TABUNG KUTIPAN
DERMA /
SUMBANGAN KETIKA
KHUTBAH JUMAAT**



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 yang bersidang pada 18 & 19 Disember 2017 telah membincangkan Hukum Menggerakkan Tabung Kutipan Derma / Sumbangan Ketika Khutbah Jumaat;

1. Beberapa pendalilan dan hujah yang berkaitan dengan perkara tersebut telah dibincangkan. Antaranya adalah seperti berikut:
 - a. Sunat hukumnya bagi orang yang mendengar khutbah untuk diam daripada berkata-kata dan tidak membuat aktiviti lain selain mendengar kepada bacaan khatib. Hal ini berdasarkan beberapa hadis, antaranya:
 - i. Salman al-Farisi رضي الله عنه berkata, Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

لَا يَغْتَسِلُ رَجُلٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَيَتَطَهَّرُ مَا
اسْتَطَاعَ مِنْ طَهْرٍ، وَيَدَّهِنُ مِنْ دُهْنِهِ، أَوْ

يَمَسُّ مِنْ طِيبِ بَيْتِهِ ثُمَّ يَخْرُجُ، فَلَا يُفَرِّقُ
بَيْنَ اثْنَيْنِ، ثُمَّ يُصَلِّي مَا كُتِبَ لَهُ، ثُمَّ
يُنْصِتُ إِذَا تَكَلَّمَ الْإِمَامُ، إِلَّا غُفِرَ لَهُ مَا
بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الْأُخْرَى

Maksudnya: “Seseorang yang mandi dan bersuci pada hari Jumaat sekadar yang termampu, memakai minyak dan wangi-wangian, kemudian ke masjid dan tidak mengganggu para jemaah dan seterusnya mendirikan solat yang ditentukan, diam ketika imam berkhotbah. Maka segala dosa kecilnya akan diampunkan di antara Jumaat dan Jumaat yang akan datang.”

(Riwayat al-Bukhari: 883)

- ii. Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه, Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِتْ.
وَإِذَا قَالَ يَخُطُبُ فَقَدْ لَعُوتَ

Maksudnya: “Apabila kamu berkata ‘diam’ kepada sahabat kamu pada hari Jumaat ketika imam membaca khutbah maka sia-sialah Jumaat kamu.” (Riwayat al-Bukhari: 892 dan Muslim: 851)

- iii. Sayidina Ali رضي الله عنه meriwayatkan:

وَمَنْ قَالَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ لِصَاحِبِهِ صَهْ فَقَدْ لَغَا
وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: “Barang siapa yang berkata diam kepada sahabatnya pada hari Jumaat (ketika khutbah) maka hal itu adalah sia-sia. Bahawa

sesiapa yang (Jumaatnya) sia-sia dia tidak dapat apa-apa kelebihan (pahala) yang diharapkan daripada Jumaatnya itu.”

(Riwayat Abu Daud:1051)

- b. Selain itu, terdapat tegahan dan larangan melakukan aktiviti-aktiviti lain semasa khatib sedang menyampaikan khutbah menerusi beberapa hadis Nabi ﷺ seperti Hadis daripada Abu Hurairah رضي الله عنه:

مَنْ مَسَّ الْحَصَى فَقَدْ لَغَا

Maksudnya: *“Barang siapa yang menyapu (bermain-main) batu kerikil (ketika Jumaat) maka hal itu sia-sia.”*

(Riwayat Muslim: 857)

Berkata Imam al-Nawawi رحمته الله: *“Pada hadis ini terdapat larangan bermain dengan batu dan selain daripada jenis itu kerana itu adalah sebahagian daripada perbuatan sia-sia ketika khutbah (Jumaat). Di sini terdapat isyarat agar ditujukan hati dan*

anggota badan semata-mata kepada khutbah.”⁵

- c. Selain terdapat beberapa hujah dan dalil yang boleh dijadikan rujukan serta sandaran dalam membuat pertimbangan, antaranya seperti berikut:
- i. Syeikh Syihabuddin al-Qalyubi pula menyatakan:

.. يُكْرَهُ الْمَشْيُ بَيْنَ الصُّفُوفِ لِلسُّؤَالِ أَوْ
غَيْرِهِ وَالتَّصَدُّقُ عَلَيْهِ اهـ.

Maksudnya: “...makruh berjalan antara saf-saf untuk meminta-minta atau selainnya serta memberikan sedekah padanya.”⁶.

⁵ *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim. Juz.3, Hlm. 410.*

⁶ *Hasyiah al-Qalyubi. Juz. 1. Hlm. 283.*

- ii. وَيُكْرَهُ الْمَشْيُ بَيْنَ الصُّفُوفِ لِلسُّؤَالِ وَدَوْرَانُ
الإِبْرِيْقِ وَالْقِرْبِ لِسَقْيِ الْمَاءِ وَتَفْرِقَةُ الْأُورَاقِ
وَالتَّصَدُّقُ عَلَيْهِمْ لِأَنَّهُ يُلْهِى النَّاسَ عَنِ الذِّكْرِ
وَاسْتِمَاعِ الْخُطْبَةِ اهـ

Maksudnya: “Dan makruh berjalan antara saf-saf untuk meminta-minta, mengedarkan kendi (termasuk juga tabung derma) dan qirbah (bekas air minuman yang diperbuat daripada kulit kambing) untuk minuman air dan membahagikan kertas-kertas serta memberi sedekah kepada mereka kerana yang demikian boleh melalaikan jemaah daripada berzikir dan mendengar khutbah.”⁷

⁷ Min Hasyiah al-'Alim al-A'lamah Syeikh Sulaiman Jamal ala Syarah Minhaj, Juz. 2, Hlm. 3

iii. وهل يجب الأنصات فيه قولان
 (أحدهما) يجب (والثاني) يستحب
 وهو الأصح لما روى أنس قال: دخل رجل
 المسجد ورسول الله ﷺ قائم على منبر يوم
 الجمعة فقال: متى الساعة، فأشار الناس
 إليه اى اسكت. فقال له رسول الله ﷺ عند
 الثالثة: ما اعددت لها. قال: حب الله ﷻ
 ورسوله. قال: أنك مع من أحببت

Maksudnya: Adakah Adakah wajib
 diam (ketika khutbah), padanya dua
 pandangan; (Pandangan yang
 pertama) wajib diam..... (dan
 pandangan yang kedua) disunatkan
 diam dan ini merupakan pandangan
 yang lebih asoh, berdasarkan riwayat

daripada Anas رضي الله عنه, beliau berkata: "Seorang lelaki telah masuk ke dalam masjid ketika Rasulullah صلى الله عليه وسلم sedang berdiri di atas mimbar dan bertanya: Bilakah akan berlaku kiamat?, (melihat kejadian itu) orang ramai mengisyaratkan kepada lelaki itu supaya diam. Namun pada soalnya yang ketiga, Rasulullah صلى الله عليه وسلم bertanya: Apakah persediaan kamu (menghadapi hari kiamat)? Lelaki itu menjawab: Aku kasihkan Allah dan Rasul-Nya. Lalu Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: Kamu akan bersama dengan orang yang kamu kasih".⁸

Menurut pandangan yang *asoh* dalam mazhab al-Shāfi'ī, disunatkan diam ketika khutbah Jumaat berdasarkan hadis Anas tersebut. Ia boleh diqiaskan kepada menggerakkan tabung ketika khutbah Jumaat yang membawa hukum makruh.

⁸ *Majmu' Syarah Muhadzab*, Imam Abi Zakariya Mahyiddin Bin Syarof al-Nawawi, Juz. 4, Hlm. 552

iv. قال ابن قدامة: فصل: قال أحمد: لا تتصدق على السَّوَّال والإمام يخطب؛ وذلك لأنهم فعلوا ما لا يجوز، فلا يعينهم عليه... وقيل لأحمد: فإن تصدق عليه إنسان، فناوله والإمام يخطب؟ قال: لا يأخذ منه.

Maksudnya: “Berkata Ibn Qudamah: Fasal: berkata Ahmad: Tidak boleh bersedekah kepada yang meminta dan (ketika) imam sedang berkhotbah, demikian itu kerana mereka melakukan perkara yang tidak diharuskan, maka tidak boleh menolong mereka itu ke atasnya...dan ditanya kepada Ahmad: Maka jika seseorang memberi sedekah kepadanya, maka ia mengambilnya ketika imam sedang

berkhutbah? Jawabnya: Ia tidak boleh mengambil daripadanya.”⁹

2. Perkara-perkara lain turut dibincangkan serta dibahasakan, antaranya:
 - a. Istilah lagha yang dinyatakan di dalam beberapa hadis sebelum ini, merujuk kepada perbuatan yang telah dijelaskan dalam hadis tersebut.
 - b. Perbuatan mengerakkan tabung kutipan derma atau memberi derma ketika khatib sedang berkhutbah, merupakan perbuatan yang tidak dituntut syarak, ketika khutbah Jumaat.
 - c. Oleh yang demikian, terdapat beberapa perkara yang tidak digalakkan untuk dilakukan ketika khutbah Jumaat seperti berzikir, bertasbih dan melaksanakan solat sunat dalam tempoh yang agak panjang.

⁹ <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=atwald&Id=223246>

3. Mesyuarat memutuskan bahawa menggerakkan tabung kutipan derma atau sumbangan ketika khutbah Jumaat adalah makruh.
4. Mesyuarat menasihatkan agar kaedah kutipan derma atau sumbangan adalah seperti menggerakkan tabung kutipan sebelum khutbah Jumaat atau selepas solat Jumaat atau memperbanyakkan dan meletakkan tabung kutipan derma sumbangan di setiap lorong saf serta meletakkan tabung kutipan derma sumbangan di tepi laluan serta pintu keluar masuk masjid serta di tempat-tempat yang sesuai.

Siri Penerangan Fatwa 4

**GARIS PANDUAN
PELUPUSAN HARTA
WAKAF
YANG TIDAK BOLEH
DILUPUSKAN**



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2020 yang bersidang pada 5 & 6 Februari 2020 telah memutuskan seperti berikut:

Harta wakaf alih milik masjid yang tidak dapat dimanfaatkan lagi tetapi ada jangkaan atau kemungkinan boleh dimanfaatkan semula, ia hendaklah diuruskan seperti berikut:

1. Dipelihara jika ada keperluan atau jangkaan bahawa masjid tersebut akan menggunakannya kembali di masa hadapan; jika tidak,
2. Hendaklah diserahkan kepada masjid atau surau yang berhampiran; jika tidak,
3. Hendaklah dijual dan digunakan harga jualannya bagi maksud wakaf yang sama seboleh-bolehnya berdasarkan kepentingan *mawquf 'alaih* dan syarat-syarat wakaf yang telah dinyatakan oleh pewakaf; jika tidak,

4. Hendaklah diserahkan kepada fakir dan miskin untuk digunakan, sekalipun untuk dijadikan sebagai bahan api; jika tidak,
5. Digunakan untuk masalah kaum Muslimin.

Manakala harta wakaf alih yang sudah tidak dapat dimanfaatkan lagi sama sekali, hukum wakafnya dikira terputus, terhenti dan lupus. Maka ia diuruskan seperti berikut:

1. Diberikan kepada keluarga pewakaf yang terdekat; jika tidak,
2. Hendaklah dimusnahkan secara yang munasabah dengan memelihara kehormatannya sebagai *'ain* wakaf, seperti; dibakar, ditanam, dibuang ke dalam lautan atau ke dalam sungai yang mengalir deras.

Beberapa pendalilan dan hujah yang berkaitan dengan perkara tersebut telah dibincangkan. Antaranya adalah seperti berikut:

a. Pengenalan

Makna Wakaf (الوقف) dari segi bahasa ialah “الحبس” iaitu menahan. Manakala pada istilah pula, para ulama berbeza pendapat tentangnya. Pengertiannya di sisi ulama al-Shāfi’iyyah adalah:

حَبْسُ مَالٍ يُمَكِّنُ الْإِنْتِفَاعَ بِهِ مَعَ بَقَاءِ عَيْنِهِ بِقَطْعِ
التَّصَرُّفِ فِي رَقَبَتِهِ عَلَى مَصْرَفٍ مُبَاحٍ مَوْجُودٍ

Maksudnya: Penahanan harta yang boleh diambil manfaatnya dengan berkekalan ‘ain harta itu yang menyebabkan gugurnya hak pewakaf dari milikannya bagi tujuan perbelanjaan ke atas sesuatu yang harus dan telah wujud.¹⁰

¹⁰ Al-Mausua’h al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 44/108

b. Pensyariaian Wakaf

Jumhur ulama menyatakan wakaf merupakan perkara yang disunatkan. Ini berdasarkan hadis daripada Ibnu Umar رضي الله عنه. Sesungguhnya Umar رضي الله عنه pernah memiliki sebidang tanah di Khaibar. Lalu beliau menemui Nabi صلى الله عليه وسلم dan bertanya: “Wahai Rasulullah, aku telah menerima sebidang tanah di Khaibar, dan aku tidak pernah menerima harta yang lebih berharga daripada itu. Apakah yang perlu aku lakukan dengannya?” Baginda صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا . فَتَصَدَّقْ
عَمْرُ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ

Maksudnya: “*Sekiranya engkau mahu, engkau tahankan asalnya (wakafkanlah ia) dan sedekahkan hasilnya.*” Kemudian Umar menyedekahkannya dengan bahawa dia tidak dijual asalnya, tidak dihibahkan dan tidak diwariskan.” (Riwayat al-Bukhari: 2772)

c. *Istibdāl* (Tukar Ganti) Wakaf

Pada asalnya hukum *istibdāl* ini tidak diharuskan seperti umum dalil yang didatangkan oleh Ibnu Umar رضي الله عنه. Ini adalah kerana *istibdāl* pada makna adalah jual beli, dan harta wakaf tidak boleh dijual beli. Namun sebahagian ulama berpendapat bahawa ia adalah harus atas tujuan memberi manfaat kepada harta wakaf itu sendiri selama mana ia dilakukan di bawah kawal selia pihak kadi atau pihak yang berautoriti pada hukum syarak.

Dr. Wahbah al-Zuhaili mentakrifkan *istibdāl* sebagai “Jual beli atau tukar ganti harta wakaf dengan harta yang lain atau dengan nilai mata wang. Serta penukaran ain harta wakaf dengan ain harta yang lain. Dalam pelaksanaan masa kini terdapat *istibdāl* yang dilakukan secara jual beli harta wakaf dengan menggunakan mata wang.”¹¹

¹¹ *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, 10/7624

d. Pandangan Ulama Terhadap Hukum Harta Wakaf Yang Hilang Manfaat

Berikut adalah pandangan para ulama al-Shāfi'īyyah berkaitan pelupusan harta wakaf alih milik masjid;

i. Menurut Imām al-Nawāwī pelupusan harta wakaf alih masjid adalah seperti berikut:

- 1) Dipelihara jika ia boleh digunakan kembali (di masa hadapan).
- 2) Diserahkan kepada fakir dan miskin untuk mereka gunakan sekalipun dijadikan bahan api.
- 3) Digunakan untuk maṣlaḥah kaum Muslimin.
- 4) Diberikan kepada keluarga pewakaf yang terdekat.

5) Diserahkan kepada masjid yang berhampiran.¹²

ii. Menurut Ibn Ziyad:

أوقاف المساجد والآبار والرباطات المسبلة
إذا تعذر صرف متوجهاتها إليها على ما شرطه
الواقف لخراب المساجد والعمران عندها
يتولى الحاكم أمر ذلك وفي صرفه خمسة
أوجه: أحدها قاله الروياني والماوردي
والبلقيني يصرف إلى الفقراء والمساكين.
الثاني حكاه الحناطى وقاله الماوردي أيضا أنه
كمنقطع الآخر. الثالث حكاه الحناطى أيضا
يصرف إلى المصالح. الرابع قاله الإمام وابن

¹² Raudhah al-Thalibin, Jld. 4, Hlm. 419

عجيل يحفظ لتوقع عوده. الخامس وهو
المتعمد وجرى عليه في الأنوار والجواهر
وزكريا أنه يصرف إلى مثلها المسجد إلى
المسجد الخ.

Maksudnya: Apabila tidak dapat digunakan manfaat harta wakaf masjid-masjid, telaga dan *ribat* yang di *sabil* mengikut syarat pewakaf disebabkan runtuhnya masjid dan bangunan di sekitarnya maka hakim berkuasa membuat sebarang keputusan terhadap perkara tersebut.¹³

Untuk itu beliau boleh memilih di antara lima pilihan:

- 1) Pendapat yang dikemukakan oleh al-Ruyani, al-Mawardi dan al-Bulqini boleh

¹³ Ghayah Talkhis al-Murad Min Fatawa Ibni Ziyad. Hlm. 180.

diserahkan kepada orang fakir dan orang miskin.

- 2) Pandangan yang dinyatakan oleh al-Hannati dan juga pandangan kedua imam al-Mawardi hukumnya seperti wakaf yang terputus akhirnya.
- 3) Pendapat yang dinyatakan oleh al-Hannati boleh juga digunakan pada kepentingan orang Islam.
- 4) Pendapat imam al-Haramain dan Ibnu Ujail pula, perlulah dijaga serta dipelihara kerana berkemungkinan ia boleh digunakan lagi.
- 5) Hendaklah digunakan atau diserahkan kepada masjid yang lain dan ia adalah *qaul* muktamad dan pendapat yang diputuskan di dalam kitab al-Anwar, Jawahir dan Sheikh Zakaria al-Ansori.¹⁴

¹⁴ *Ghayah Talkhis al-Murad Min Fatawa Ibni Ziyad*. Hlm. 180.

iii. Imām al-Ramlī al-Kabir seperti yang menyatakan:

أما ريع المسجد المنهدم فقال الوالد رحمة
الله تعالى: إنه إن توقع عوده حفظ له، وهو ما
قاله الإمام، وإلا فإن أمكن صرفه إلى مسجد
آخر صرف إليه، وبه جزم في الأنوار، وإلا
فمنقطع الآخر فيصرف لأقرب الناس إلى
الواقف، فإن لم يكونوا صرف إلى الفقراء
والمساكين أو مصالح المسلمين.

Maksudnya: Adapun manfaat wakaf masjid yang runtuh maka berkata bapaku.¹⁵

¹⁵ *Nihayah al-Muhtaj*

- 1) Jika boleh digunakan semula perlulah dipelihara dan ia pendapat Imam al-Haramain,
- 2) Sekiranya tidak dapat digunakan lagi, bolehlah diserahkan atau dipindahkan kepada masjid yang lain seperti mana diputuskan di dalam kitab *al-Anwar*.
- 3) Jika tiada masjid yang memerlukannya, bolehlah ia dikategorikan sebagai wakaf yang terputus pada akhir iaitu dengan diserahkan kepada keluarga terdekat pewakaf.
- 4) Sekiranya mereka tiada, ia diserahkan kepada orang fakir dan miskin atau digunakan untuk kepentingan orang Islam.¹⁶

¹⁶ *Nihayah al-Muhtaj*. Jld. 5. Hlm. 395-396.

iv. Ibn Hajar menyebutkan:

وأما غلة وقف المسجد المتعطل فقال
الرويانى كالموردى تصرف للفقراء
والمساكين وقال فى محل آخر أنه منقطع
فتصرف غلته لإقرب الناس إلى الواقف وقال
المتولى يصرف لإقرب المساجد إليه وقال
الإمام يحفظ لتوقع عوده.

Maksudnya: Adapun manfaat wakaf masjid yang tidak digunakan lagi maka berkata al-Rauyani begitu juga pendapat al-Mawardi, diberikan kepada orang-orang fakir dan miskin. Pada sisi yang lain Imam Mawardi berpendapat bahawa wakaf itu terputus, lalu diserahkan manfaat atau hasil wakaf tersebut kepada keluarga terdekat pewakaf. Pendapat al-Imam Mutawalli pula perlulah diserahkan wakaf

itu kepada masjid yang terdekat dan berkata Imam Haramain dijaga harta wakaf itu supaya boleh dikembalikan semula (kepada masjid yang asal).¹⁷

- V. Pandangan Al-Imām Shihabudin al-Ramlī di dalam fatawanya menjelaskan:

فأجاب: بأن الذي تحرر لي في هذه المسألة أنه إن توقع عوده حفظ له وهو ما قاله الإمام وإلا، فإن أمكن صرفه إلى مسجد آخر صرف إليه وهو ما نقل عن المتولى وبه جزم في الأنوار وإلا فمنقطع الآخر فيصرف لأقرب الناس إلى الواقف وهو ما قاله الروياني في محل آخر وحكاة الحناطى، فإن لم يكونوا صرف إلى الفقراء

¹⁷ *Al-Fatawa al-Fiqhiyah al-Kubra*. Jld. 3. Hlm. 265.

والمساكين أى، أو مصالح المسلمين وهو ما
قاله الماوردى وجزم به الرويانى فى البحر
وحيئذ لا خلاف فى المسألة.

Maksudnya: Menjawab: bahawa hukum pada masalah ini bagiku ialah jika boleh digunakan kembali maka perlulah dijaga dan dipelihara, pendapat ini juga adalah pendapat al-Imām Haramain dan jika tidak boleh dikembalikan semula maka perlulah diserahkan pada masjid yang lain, pendapat ini *dinaqalkan* oleh Imām al-Mutawalli dan diputuskan dalam kitab al-Anwar dan jika tidak; maka dihukumkan putus wakaf pada bahagian akhir, lalu diserahkan kepada keluarga terdekat pewakaf, iaitu apa yang diputuskan oleh imam al-Rauyani pada sisi yang lain serta disebut oleh Imām al-Hannati. Sekiranya keluarga terdekat tiada

maka diserahkan pula kepada orang fakir dan miskin atau kepada kepentingan Muslimin, ini menurut pendapat al-Mawardi dan juga al-Rauyani memutuskannya pada kitab *al-Bahr*, maka jelas tidak berlaku khilaf pada masalah ini.¹⁸

¹⁸ *Fatawa al-Ramli*. Hlm. 360.

Siri Penerangan Fatwa 5

**HUKUM TENTANG
PERUBAHAN
SYURUTUL WAQIF
(SYARAT-SYARAT
WAKAF) MELALUI
PRINSIP “TASARRUFUL
IMAMI MANUTHUN BI
AL-MASLAHAH”**



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2019 yang bersidang pada 16 & 17 Oktober 2019 telah membuat keputusan berdasarkan pembentangan hasil kajian yang dijalankan dan memutuskan seperti berikut:

1. Perubahan *Syurutul Waqif* Melalui Prinsip '*Tasarruful Imami Manuthun Bi Al-Maslahah*' adalah harus.
2. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui pemegang amanah yang dilantik mempunyai autoriti dan kuasa bagi memastikan harta wakaf tersebut mencapai matlamat yang diingini oleh pewakaf (*waqif*). Walau bagaimanapun, sekiranya wakaf tersebut akan hilang sifat kemaslahatannya dan jika masih terikat dengan syarat yang telah ditetapkan, maka atas prinsip

تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: “Tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah bergantung pada masalah”.

Pihak MAINPP boleh mempertimbangkan perubahan syarat-syarat pewakaf (*waqif*) supaya kebaikan penggunaan manfaatnya dapat dilaksanakan di samping tujuan sebenar sesuatu wakaf dikekalkan seperti asalnya.

3. Perubahan syarat wakaf juga diharuskan agar harta wakaf tersebut dapat dimanfaatkan kepada sesuatu yang lebih bermaslahah dengan mengekalkan tujuan sebenar sesuatu wakaf seperti asalnya mengikut pandangan Imam al-Subki (tokoh mazhab al-Syafie), Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hassan al-Syaibani. Oleh itu, perubahan syarat *waqif* bagi sesuatu wakaf hanya boleh dilakukan oleh pihak berautoriti iaitu Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi menguruskan harta wakaf. Pihak MAINPP perlu mendapat pandangan hukum daripada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu.

4. Perubahan pada syarat *waqif* diharuskan dan boleh dilaksanakan sekiranya memenuhi keperluan seperti berikut:
- a) Apabila harta wakaf tersebut hilang manfaat secara keseluruhan atau sebahagian.
 - b) Apabila harta wakaf tersebut terlibat di dalam proses *istibdal*.
 - c) Apabila harta wakaf bertukar kepada tujuan yang lebih bermaslahah mengikut pandangan syarak.
 - d) Apabila harta wakaf terlibat dengan bencana alam yang telah mengubah sifat harta tersebut sehingga sukar untuk diuruskan dan dibangunkan semula mengikut kepada lafaz asal pewakaf.

5. Parameter (*dawabit*) masalah yang mengharuskan atau tidak berkaitan perubahan syarat wakaf adalah seperti berikut:

a) Masalah *Mu'tabarah*

Masalah yang *mu'tabarah* (diambil kira) merupakan masalah yang disebut secara jelas dalam hukum syarak dan mempunyai masalah, seperti memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, wakaf yang dilakukan untuk membina masjid bagi kegunaan anak kariah tidak boleh diubah kepada tujuan lain jika tidak ada ruang untuk dilakukan *istibdal* kerana ia akan menyebabkan kemudaratan pada agama (pengamalan agama). Begitu juga dalam isu wakaf khas untuk tanah perkuburan yang tidak boleh di*istibdal* serta mendatangkan kesukaran (*masyaqqah*) kepada anak kariah kerana kekurangan tanah bagi tujuan tersebut, maka ia tidak dibenarkan

kerana menjaga *masalah* agama dan maruah.

b) *Maslahah Mulghaah*

Maslahah Mulghaah seperti mengubah wakaf surau (tempat ibadah orang Islam) kepada pusat perjudian dan sebagainya.

Ia juga bertatapan dengan kaedah:

درء المفسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya: Menolak kemudaratan diutamakan berbanding mendatangkan kemaslahatan.

Ini sudah pasti merupakan *masalah mulghah* yang tidak bermanfaat berdasarkan kepada syarak.

c) *Maslahah Mursalah*

Maslahah Mursalah merupakan masalah yang tidak dinaskan oleh syarak sama ada syarak membatalkannya atau syarak

menerimanya. Inilah yang dinamakan sebagai *masalah mursalah* di sisi *usuliyyun*. Ia dianggap sebagai *masalah* kerana ia dapat mendatangkan manfaat dan menghalang dari segala bentuk kemudaratan. Manakala ia dinamakan sebagai *mursalah* kerana ia tidak disebutkan oleh syarak sama ada ia diambil kira ataupun tidak diambil kira. Syeikh Abdul Fattah bin Muhammad berkata: Ia dinamakan sebagai *masalah mursalah* kerana ia merupakan manfaat yang tidak terdapat dalil yang menyatakan padanya. Menurut beliau lagi, sekalipun *masalah mursalah* ini bukanlah dalil yang *mustaqil* (bersendiri), ianya adalah hujah dengan beberapa syarat berikut:

- Ia mestilah berupa suatu permasalahan yang bermanfaat.
- Permasalahan itu pula hendaklah bersifat umum.

- Ia hendaklah tidak bercanggah dengan *nas*.
- Ia tidak membatalkan masalah yang lebih utama dan umum.
- Mestilah mengambil kira pandangan pakar agama dalam menentukan masalah kategori ini.

Oleh itu, *masalah mursalah* adalah suatu hujah syarie yang boleh diterima pakai dalam mengubah syarat wakaf dengan memohon pandangan dan fatwa daripada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu untuk mengenal pasti masalah yang dinyatakan serta diberikan cadangan kepada pihak MAINPP untuk tindakan.

Contohnya; mengubah syarat wakaf kepada kegunaan orang ramai seperti hospital, pusat kesihatan, dewan himpunan orang ramai, kompleks membeli belah, stadium dan

sebagainya (yang dianggap memenuhi tuntutan fardu kifayah). Ini terpakai dengan prinsip mengubah syarat kepada tujuan yang lebih bermaslahah (*taghyir syurut al-waqf ila ma huwa aslah*).

RUJUKAN

Al-Azdi, Ibn Al-Ash'ath al-Sijistani. *Sunan Abi Daud*. Kaherah: Dar al-Hadis, 1988

Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Bukhari. *Sabil al-Muhtadin li at-Tafaqquh fi ad-Din*. Pattani: Matba'ah ibn Halabi.

Al-Bakri, Abu Bakar Ibn Sayid Muhammad Shatta ad-Dimyati. *Hasyiah l'annah al-Talibin 'ala Hall al-Fadhz Fath al-Mu'in Li Syarh Qurrah al-'Aynn bi Muhimmat al-Din*. Beirut: Dar al-Fikr.

Dr. Muhammad Zuhaili. *Al-Muktamad fi al-Fiqh asy-Syafie*. Damsyik: Dar al-Qalam, 2010.

Hazim, Muhammad. *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Kaherah: Dar al-Hadis, 1994.

Syeikh Imam Syihabuddin Abu al-Abbas Ahmad al-Qalyubi. *Hasyiah al-Qalyubi*. Beirut: Dar Al-Fikr.

Syeikh Sulaiman bin Mansur al-Jamal. *Min Hasyiah al-'Amin al-A'lamah Syeikh Sulaiman al-Jamal ala Syarh Minhaj*. Lubnan: Ihya al-Thurath al-'Arabi.

Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin bin Sharif. *Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Lubnan: Dar al-Fikr.

<http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=atwald&Id=223246>

_____ *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwat Islam. 2008.

Al-Zuhaili, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Nawawi, Abi Zakaria Yahya bin Syarif. *Raudah al-Talibin*. Lubnan: Dar al-Kitab al-Ilmiah, 1992.

Abdul Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar. *Ghayah Talkhis al-Murad Min Fatawa Ibnu Ziyad, al-Hamish*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Ramli, Muhammad bin Ahmad. *Nihayah al-Muhtaj*. Lubnan: Dar-al-Kutub al-'Ilmiyah, 1993.

Ibn Hajar al-Haytami, Shihabuddin Ahmad bin Muhammad bin Ali. *Al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah*. Lubnan: Dar-al-Kutub al-'Ilmiyah, 1997.

Ramli, Shihabuddin Ahmad bin Hamzah, *Fatawa al-Ramli fi Furu' al-Fiqh al-Syafie*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 2004.

IRSYAD FATWA

SIRI 1




- Penggunaan Pembesar Suara Di Masjid Dan Surau Di Pulau Pinang.
- Hukum Orang Islam Turut Merayakan Perayaan Orang Bukan Islam (Tanglung, Tahun Baru Cina, Deepavali, Ponggal, Wesak Dan Krismas).
- Hukum Menggerakkan Tabung Derma / Sumbangan Ketika Khutbah Jumaat.
- Garis Panduan Pelupusan Harta Wakaf Yang Tidak Boleh Dilupuskan.
- Hukum Tentang Perubahan Syurutul Waqif (Syarat-Syarat Wakaf) Melalui Prinsip "Tasarruful Imami Manuthun Bi Al-Maslahah".



Diterbitkan oleh :
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
Tel : 04 263 2975 Faks : 04 263 2985
Web : <http://mufti.penang.gov.my>
Emel: mufti@penang.gov.my

ISBN 978-967-18457-5-2



9 7 8 9 6 7 1 8 4 5 7 5 2